

TEKS PERGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat tengah hari kepada semua. Saya sebagai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif akan menjawab soalan yang berkaitan.

Bagi menjawab soalan Ahli Berhormat Bertam, saya akan menjawab Ahli Berhormat selepas saya mendapatkan fakta yang sahih daripada pihak tertentu dari kerajaan sebenar.

Seterusnya, isu yang sebenarnya telah diberikan oleh Ahli Berhormat Permatang Berangan kepada barisan exco sebelum hari ini tidak sama seperti yang telah dibahaskan pada pagi ini. Namun begitu, untuk ahli-ahli dewan mendapatkan jawapan yang sewajarnya, saya akan menggulungkan beberapa perkara daripada teksnya yang sebenar.

Baiklah, bagi menjawab persoalannya mengenai isu pengayuh beca, merujuk akhbar MalayMail yang bertarikh 19 April 2022, kerajaan negeri memberi RM200 sebulan sejak Julai yang lalu berbanding kepada RM30 seminggu atau RM100 sebulan dan ia akan berterusan sehingga diberitahu kemudian. Selain itu, terdapat program seperti PETACE, dengan izin, iaitu Penang State Exco for Tourism and Creative Economy, yang telah melancarkan pelbagai bantuan untuk pengayuh beca. Salah satu contoh ialah Penang on 3 Wheels, dengan izin, yang berkerjasama dengan sector swasta seperti M Summit 191 Executive Hotel untuk pakej "Stay and Ride", dengan izin, di hotel tersebut. Dengan adanya program sebegini, ia akan membantu para pengayuh beca mendapat keuntungan secara langsung mahupun tidak langsung.

Yang Berhormat Permatang Berangan juga telah menyatakan bahawa kerajaan seharusnya memberi sumbangan kepada pengayuh beca. Namun begitu, Ahli Berhormat perlu faham bahawa kerajaan negeri mendapat peruntukan daripada kerajaan persekutuan. Jadi, daripada satu nilai yang besar, mereka perlu mengagihkannya secara wajar kepada setiap sektor. Kerajaan negeri sebenarnya telah meluluskan RM8.41 juta untuk membantu pelbagai sector yang telah dijejas akibat COVID-19 yang termasuk pengayuh beca, tetapi, seperti yang telah ditanyakan oleh ketua pembangkang tadi, adakah RM200 cukup? Memang tidak. Tetapi adakah kerajaan negeri mempunyai dana yang cukup? Itupun tidak. Kerjaan persekutuan telah memberikan bantuan kepada rakyat yang memerlukan dan kerjaan negeri turut sekali membantu tanpa mengabaikan rakyat.

Itu sahaja daripada saya, sekian terima kasih.

N34 Paya Terubong

Annsley Dashawna Stephen

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama